


KERTAS KERJA



سَمِينار هاري كَبانْسان

SEMINAR HARI KEBANGSAAN

Tema

**PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA
"20 TAHUN MERDEKA: PENCAPAIAN DAN HALA TUJU"**

Anjuran

**JAWATAN/KWASA TERTINGGI
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-20
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kelolaan Bersama

**PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
&
PERSATUAN SEJARAH BRUNEI (PESEBAR)**

Tempat

**PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

"STRATEGI MEMBENTUK BELIA CEMERLANG"

oleh

Yang Mulia Awang Haji Jemat bin Haji Ampal



Tarikh

20-22 Muharram 1425 • 12-14 Mac 2004

Strategi Membentuk Belia Cemerlang

Pengenalan

Kita beruntung sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang aman dan makmur. Negara ini adalah sebuah negara yang bertuah mendapat rahmat dari Allah subhanahu wataala. Dari semua aspek, sama ada dari segi politik, ekonomi mahu pun sosial, kitani hidup dengan sempurna. Atas kemurahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kepimpinan bijaksana Baginda, keperluan asas setiap rakyat adalah terjamin. Pendidikan, kesihatan, perekonomian, dan sebagainya disediakan untuk kitani memanafaatkan. Kerajaan selama ini menjamin kesejahteraan dan keharmonian bernegara di mana setiap kelompok rakyat dapat menikmati hidup yang terjamin.

Tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah untuk memainkan peranannya menjamin keadaan hidup yang aman dan makmur. Maka, dengan menyedari tanggungjawab ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyusun *Visi* dan *Misinya* seperti berikut:

Visi: *Bangsa Brunei Yang Cemerlang*

Misi: *Mencanai Masyarakat Cemerlang yang Beragama, Berbudaya, Penyayang, Cerdas, Bersatu Padu, Dinamik dan Berwawasan.*

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mencapai Visi dan Misi yang disebutkan itu?

Kertas ini akan menjelaskan sedikit sebanyak langkah-langkah yang telah diambil dan strategi masa depan, secara ringkas, oleh KKBS bersama jabatan-jabatan di bawahnya dalam usaha mewujudkan Bangsa Brunei yang Cemerlang.

Tanggungjawab dan Tindakan

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membahagikan tanggungjawabnya kepada empat bahagian :

1. Kebudayaan (Pusat Sejarah, Muzium-Muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahagian Kebudayaan Kementerian);
2. Kebelieaan (Jabatan Belia dan Sukan, Pusat Pembangunan Belia, Outward Bound Brunei Darussalam);
3. Kesukuanan (Jabatan Belia dan Sukan);
4. Kemasyarakatan (Jabatan Pembangunan Masyarakat).

Semua jabatan diatas dan bahagian-bahagian di KKBS menumpukan usaha ke arah menanam nilai-nilai Kebruneian, mendokong falsafah Melayu Islam Beraja, memelihara belia supaya memahami konsep tersebut, dan memberi perkhidmatan ke arah membentuk Bangsa Brunei Yang Cemerlang.

Yang sudah dilakukan ialah melalui berbagai-bagai cara:

- Pusat Pembangunan Belia memberikan latihan kemahiran kepada golongan belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal dan yang tidak mempunyai sebarang perkerjaan;
- Pusat ini melatih belia sebagai persediaan untuk memasuki bidang pekerjaan dan perniagaan;
- Pusat ini membina dan meningkatkan pembangunan diri individu dan motivasi;
- Outward Bound Brunei Darussalam membentuk peribadi rakyat Brunei khususnya para belia dengan pembelajaran melalui pengalaman dan latihan pengembaraan demi memupuk serta meningkatkan sifat berdikari, inisiatif, disiplin, bertanggungjawab, tekad untuk berjaya, kesedaran, kepimpinan dan kerjasama berpasukan untuk menyumbangkan sepenuhnya kepada pembangunan negara;
- Jabatan Belia dan Sukan menyusun berbagai kegiatan belia untuk sepanjang tahun ;
- Jabatan Belia dan Sukan membentuk sebuah masyarakat yang cergas, sihat dan kukuh dari segi fizikal dan mental – bersemangat dan berpendirian positif dalam hidup, berdisiplin dan berdikari melalui penyertaan semua lapisan masyarakat

secara aktif dan sukarela dalam semua aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan fizikal dengan berpegang kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja;

- Jabatan Belia dan Sukan menjadikan aktiviti sukan sebagai satu kaedah pembangunan sosial, menggalakkan pergaulan, persaingan sihat dan mengeratkan perhubungan sosial serta melahirkan masyarakat yang tidak mengasingkan diri melalui penyertaan aktiviti 'Sukan Untuk Masyarakat' di samping melahirkan ahli-ahli sukan elit dan berprestasi tinggi bagi penyertaan sukan-sukan serantau dan antarabangsa;
- Jabatan Pusat Sejarah mengumpulkan dan menyimpan bahan-bahan sejarah Brunei untuk pengkajian dan rujukan selain memelihara warisan bangsa. Jabatan Pusat Sejarah juga mengadakan usaha-usaha yang berkesan untuk mendorong dan menguatkan semangat rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi mengukuhkan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun;
- Dewan Bahasa dan Pustaka berusaha dan berikhtiar mengembangkan dan meningkatkan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara di samping sebagai bahasa ilmu;
- Jabatan Muzium-Muzium menimbulkan semangat kesedaran, kemegahan dan penghargaan terhadap warisan bangsa dan kegemilangan negara sebagai contoh teladan di kalangan rakyat dan penduduk negara ini;
- Dengan bantuan Jabatan Pusat Sejarah, Jabatan Muzium-Muzium dan Dewan Bahasa dan Pustaka fungsi KKBS dalam bidang kebudayaan dikembangkan-luaskan demi meningkatkan keupayaan masyarakat, khususnya belia, dalam memahami, memelihara dan menghayati falsafah negara dan kebudayaan negara. Di samping itu, Bahagian Kebudayaan KKBS juga memperkembangkan nilai-nilai budaya dan mampu menawarkan perkhidmatan dalam bidang kesenian dan kebudayaan.
- Jabatan Pembangunan Masyarakat memberi dan mengendalikan perkhidmatan hal ehwal kebajikan masyarakat kepada orang ramai iaitu kanak-kanak, remaja, wanita, keluarga, masyarakat kurang upaya, masyarakat terpinggir (marginalised society) dan lain-lain. Pendeknya, klien Jabatan Pembangunan Masyarakat meliputi dari peringkat anak damit yang baru lahir hingga kepada orang tua. Perkhidmatan ini termasuklah memberi perlindungan dan pemulihan akhlak, memberi bimbingan dan latihan bagi kanak-kanak dan masyarakat kurang upaya di seluruh negara;

Keadaan Sekarang

Keadaan masa ini adalah sangat mencabar. Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari arus dan gelombang perubahan yang dibawa oleh globalisasi. Pengaruh Internet, televisyen dan media cetak sangat memberi kesan kepada negara kita yang harmoni, aman dan makmur ini. Belia kita terdedah kepada banyak anasir asing yang tidak secocok dengan adat dan budaya kita di negara ini. Kesan-kesan negatif yang pasti kita hadapi dari segi kemasyarakatan adalah :

- Keluarga yang berpecah-belah dan jumlahnya semakin meningkat;
- Pergaulan yang semakin bebas dan terkeluar dari batas adat dan agama;
- Sumbang mahram;
- Kelahiran anak di luar nikah;
- Penyalahgunaan dadah;
- Kadar jenayah semakin meningkat;
- Keganasan rumahtangga juga semakin meningkat.

Pendek kata, penyakit yang melanda dunia luar juga sudah menjangkiti negara kita dan memerlukan tindakan segera dan tegas. Di pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, beberapa tindakan khusus telah dilaksanakan dan sedang berjalan pada masa ini. Melalui Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Menangani Isu Sosial yang ahlinya terdiri daripada berbagai agensi penting dalam Kerajaan dan juga NGO, usaha-usaha sedang ditingkatkan untuk mencari langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Antara tindakan-tindakan yang sudah, sedang diambil dan masih dalam perancangan ialah :

- Mengukuhkan Peranan Institusi Keluarga;
- Menyediakan Perkhidmatan Kaunseling;
- Menyediakan Program Untuk Remaja;
- Mengadakan Hari Kanak-Kanak dan Hari Remaja;
- Program Latihan Kemahiran;
- Program Bimbingan Keusahawanan;
- Penyebaran maklumat melalui media massa, media cetak dan papan-papan tanda serta publisiti yang bersesuaian;

- Mendapatkan kerjasama persatuan-persatuan dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO);
- Mengadakan Pusat Perlindungan Sementara Bagi Remaja Lelaki Bermasalah
- Membina bangunan kekal bagi pusat pemulihan dan perlindungan untuk remaja lelaki yang bermasalah;
- Menubuhkan Pusat Maklumat Belia;
- Mengadakan Perkhidmatan Pemulihan dalam Komuniti (Community Service).

Urus Setia Jawatankuasa tersebut telah pun menyampaikan mesej-mesej yang berkesan dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei melalui rancangan-rancangan TV seperti TABIR yang disiarkan setiap hari Selasa dan Jumaat. Kandungan rancangan-rancangan tersebut melakunkan kejadian-kejadian yang sebenar yang pahit dialami oleh belia kita yang menjadi mangsa. Berbagai tindakan sudah diambil dan sedang dilakukan masa ini. Tidak kurang memanggil keluarga yang terlibat yang mana anak mereka sendiri telah pun menjadi mangsa kepincangan rumah tangga.

Usaha PEMEDULIAN Kerajaan akan diteruskan melalui *Misi* Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ***Mencanai Masyarakat Cemerlang yang Beragama, Berbudaya, Penyayang, Cerdas, Bersatu Padu, Dinamik dan Berwawasan.***

Disebabkan oleh keadaan yang sangat mencabar dihadapi oleh golongan belia, tumpuan atau fokus utama KKBS ialah kepada Belia kerana Belia adalah Aset Negara. Dihasratkan satu *synergy* akan diwujudkan dan dipertingkatkan, melalui kerjasama semua jabatan dan bahagian di KKBS. Setiap pegawai dan kakitangan mempunyai tanggungjawabnya supaya fungsi masing-masing dapat ditanai dan disempurnakan dengan sebaik-baiknya. Tumpuan kitani ialah anak-anak yang masih muda kerana mereka menentukan masa depan Negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan masa kini sudah dan sedang mengendalikan beberapa program khusus untuk membentuk jati diri belia, termasuk belia yang tercicir dan lemah. Antaranya, program yang dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukan dan Outward Bound Brunei Darussalam di Temburong. Jabatan Belia dan Sukan menyusun beberapa kegiatan seperti perkhemahan belia yang diselenggarakan oleh belia sendiri. Dengan kerjasama Majlis Belia Brunei, satu perkhemahan yang

dinamakan 'Perkhemahan Kepimpinan Belia 2003' telah diatitkan pada bulan Disember 2003 yang diselenggarakan oleh sukarelawan belia. Sukarelawan tersebut menunjukkan kesungguhan mereka memedulikan rakan-rakan sebaya mereka dan menyusun program yang mencabar, tanpa menerima apa-apa imbalan daripada perkhidmatan mereka itu. Perkhemahan tersebut melibatkan belia yang tidak lagi bersekolah, tercicir tanpa sebarang pekerjaan dan tidak tentu haluan. Sejumlah 80 peserta mendaftar pada 15hb Disember 2003, 28 belia penyelenggara, 5 belia pembantu dari Persatuan Pengakap, 6 belia petugas dari Persatuan Bulan Sabit Merah dan 5 belia yang mengawasi masakan dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. Walau pun belia-belia yang memimpin menghadapi kesukaran pada awalnya disebabkan oleh kekurangan pengalaman, namun mereka tidak menyerah kalah dan berani menghadapi cabaran sehingga perkhemahan tersebut berjaya mencapai matlamatnya.

Outward Bound Brunei Darussalam juga menyusun satu program (diantara program-program yang sedang berjalan) yang berjalan selama 10 hari di Belalong, Temburong. Kursus tersebut dikhususkan untuk belia yang lemah dan mudah terjerumus ke lembah yang merugikan. Dari kursus tersebut terbukti bahawa belia yang dianggap lemah itu telah dapat membuktikan kepada diri mereka sendiri tentang kekuatan diri masing-masing dan ketabahan mereka dalam menghadapi cabaran. Antara komen-komen yang diterima ialah:

"Saya seorang yang penakut tapi hairan saya boleh jadi seorang yang gagah dan berani apatah lagi semangat yang saya dapat sungguh menakjubkan"

"Mendorong serta memberi semangat kepada saya kerana berjalan mendaki bukit-bukit dan membawa barangan beg serta boleh mencari jalan menggunakan kompas.....saya berkeyakinan kepada diri saya dan segala yang saya alami di Outward Bound ini akan saya praktikan di luar kelak. InsyaAllah"

"Bagi saya yang pernah dihantar ke Rumah Al Islah tidak lengkap kalau tidak menghadiri kursus di OBBD.....Tanpa menghadiri kursus di OBBD ini persiapan dan persediaan untuk diri sendiri mungkin belum mencukupi.....kerana kesedaran pada diri saya amat dirasakan boleh dikatakan kursus ini ada kaitan dengan pemulihan, termasuk akhlak, mental dan fizikal"

Program yang julungkalinya diungkayahkan itu tidak syak lagi telah berjaya meninggalkan kesan yang sangat positif bukan sahaja kepada para pesertanya, malahan juga kepada OBBD. Segala pengajaran dari pengalaman yang dilalui sedikit sebanyak telah memberikan satu panduan serta motivasi kepada OBBD ke arah menghasilkan program serupa yang lebih berkualiti lagi berkesan pada masa akan datang. Manakala bagi para peserta segala nilai pengajaran yang telah berhasil mereka perolehi melalui pelbagai pengalaman sepanjang tempoh mengikuti program itu telah memberikan mereka satu kekuatan serta dorongan yang baru dalam menghadapi serta mengharungi alam kehidupan mereka masing-masing dengan penuh sabar, tabah dan tekad.

Bagi belia yang berkenaan, rancangan seterusnya ialah untuk menempatkan mereka di Pusat Pembangunan Belia supaya mereka dapat diasuh dalam bidang yang bersesuaian untuk membuka peluang kepada mereka masing-masing dalam kegiatan perekonomian di negara ini.

Dalam jangka panjang, belia diharapkan untuk membantu usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membimbing belia-belia yang bermasalah. KKBS menjangkakan bahawa belia, melalui rakan belia, akan dapat menembusi tembok belia yang bermasalah supaya dapat dibimbing ke jalan yang menguntungkan.

Usaha ini dijangkakan akan berjaya kerana sifat gotong royong belia masih hidup dengan semangat yang tinggi. Sebagai contoh, Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan pada tahun ini telah menggunakan kira-kira 300 orang sukarelawan belia untuk membantu KKBS dalam berbagai aspek persediaan. Semangat tersebut sangat membanggakan sehingga mereka sanggup berpanas membersihkan padang tempat latihan pada saat-saat yang diperlukan, tanpa dipaksa. Semangat ini akan dipupuk dan cuba disalurkan melalui perundingan dengan belia-belia berkenaan serta pemimpin-pemimpin Persatuan belia.

Penglibatan belia diarena antarabangsa juga akan diteruskan. Program-program seperti Kapal Belia (SEAYP) dan persidangan-persidangan belia di luar negeri akan memberi pendedahan dan menambah keyakinan dikalangan belia untuk terus maju mengikut

arus kemajuan globalisasi. Pertukaran Program Belia dirantau ASEAN/ASIA akan meningkatkan lagi kerjasama dan persefahaman bagi kepentingan negara khas nya dan rantau ini umum nya.

Dalam jangka panjang, belia-belia yang diasuh dan dibimbing mestilah dilibatkan dengan kegiatan-kegiatan yang positif. Kegiatan-kegiatan yang positif mestilah menuju ke arah peringkat yang membolehkan belia berdikari, sama ada mereka bekerja dengan majikan atau pun bekerja sendiri. Hasrat KKBS ialah untuk membangkitkan di kalangan belia semangat untuk mahu bangun maju dengan usaha gigih masing-masing. Belia yang dilatih di Pusat Pembangunan Belia dihasratkan dapat berusaha secara bersendirian atau pun berkumpulan, berniaga dan mewujudkan ekonomi secara koperasi. Belia yang terbukti berkebolehan dan berkaliber sesuai dapat diserapkan ke persatuan-persatuan untuk menjadi pembimbing.

Rancangan KKBS ialah untuk membangunkan satu Yayasan Belia yang akan menjadi institusi yang mengasuh dan membangun belia. Tujuan membangun Yayasan Belia sudah pun diluluskan oleh Kabinet melalui Dasar Belia Negara. Langkah-langkah ke arah ini sedang dirancang buat masa ini dan mungkin akan memakan masa sebelum direalisasikan. Penyelidikan sempurna akan dijalankan supaya rancangan Yayasan Belia akan direalisasikan dan berjaya membantu belia.

Di samping itu, bidang kebudayaan akan terus ditekankan kepada belia dan seluruh penduduk, amnya. Bidang kebudayaan akan dipertingkatkan melalui saluran bahasa, kesusasteraan, kemuziuman dan sejarah :

- Bahasa Melayu akan terus dipertingkatkan melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran dan pemakaian Bahasa Melayu di kalangan semua lapisan masyarakat.;
- Mengembangkan secara lebih progresif dan produktif karya-karya sastera tempatan dalam semua genre pengkaryaan;
- Mengembangmajukan dan memutakhirkan Perkhidmatan Perpustakaan supaya menjadi tumpuan utama dan memainkan peranan lebih besar dalam usaha meningkatkan Budaya Membaca dan Bermaklumat di kalangan masyarakat Brunei Darussalam;
- Mengetahui, mempelajari dan meneladani sejarah Tamaddun Bangsa;

- Mengkaji dan mengembangkan nilai-nilai dan unsur-unsur kebudayaan dan kesenian setempat selaras dengan Dasar Kebudayaan;
- Bagi memelihara Warisan Budaya, usaha bagi merangka dan melaksanakan satu Dasar/Garispandu Negara bagi Pemeliharaan Warisan Budaya akan dimulakan;
- Mempertingkatkan akses kepada muzium dengan mempergunakan kemudahan dan kemajuan ICT dan e-Kerajaan.

Bidang kesukanan juga akan menyumbang ke arah membina dan membentuk belia dan masyarakat yang cemerlang. Melalui kemudahan-kemudahan sukan dan persatuan-persatuan sukan, dijangkakan masyarakat akan semakin berminat dan terlibat dalam kegiatan-kegiatan sukan untuk kesihatan. Motivasi seterusnya ialah dengan meningkatkan mutu perkhidmatan supaya belia akan mencapai tahap kecemerlangan dalam sukan.

Perkhidmatan kemasyarakatan akan diteruskan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat. Segala perancangan dalam bidang kemasyarakatan akan memberi keutamaan kepada perkembangan dan kemajuan negara serta boleh meningkatkan tahap kehidupan rakyat secara keseluruhannya. Beberapa program akan disusun untuk menjadikan masyarakat lebih berdikari dan mampu menjana pendapatan. Perkhidmatan-perkhidmatan untuk orang tua, kanak-kanak, orang kurang upaya akan terus dipertingkatkan.

Kesimpulan

Misi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ***Mencanai Masyarakat Cemerlang yang Beragama, Berbudaya, Penyayang, Cerdas, Bersatu Padu, Dinamik dan Berwawasan*** perlu dicapai dengan kerjasama semua pihak, termasuk agensi-agensi Kerajaan yang bukan di bawah KKBS. Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta sokongan dari Jabatan Perdana Menteri adalah mustahak bagi menjamin kejayaan rancangan-rancangan yang disebutkan.

Tumpuan utama mestilah diberikan kepada belia kerana belia ialah aset negara yang menentukan masa depan kita. Oleh itu, segala program yang melibatkan belia mestilah

disusun dengan matlamat ke arah menjadikan mereka belia yang sedar dan tahu memikul tanggungjawab masing-masing. Belia mestilah diberi kesedaran supaya mereka melibatkan diri dalam kegiatan yang bermanfaat kepada mereka, keluarga dan masyarakat pada keseluruhannya.

Belia yang menghargai adat resam, berbudaya dan beragama, cerdas dan berwawasan akan dapat memberi sumbangan kepada negara yang amat bernilai harganya. Oleh itu, semua pihak yang terlibat adalah diperlukan untuk sama-sama menjamin kejayaan misi KKBS ini iaitu membentuk belia kearah kecemerlangan. Risiko sebaliknya, belia yang gagal adalah benih kerosakan masyarakat.

Thursday, March 11, 2004